

PRAKTIS FORMATIF

2.1 Sel – Struktur, Fungsi dan Organisasi

- 1 Lengkapkan teka silang kata berikut berkaitan dengan fungsi bahagian sel.




MELINTANG

- Tempat berlakunya tindak balas kimia dalam sel.
- Mengawal pergerakan bahan masuk dan keluar dari sel.
- Tempat menyimpan larutan garam dan gula

MENEGAK

- Mengawal semua aktiviti sel
 - Memberi bentuk tetap kepada sel
 - Bahagian sel yang menjalankan fotosintesis
- 2 Rajah di bawah menunjukkan satu sel P.
- (a) Tandakan (✓) untuk bahagian sel yang dilabelkan dengan betul dan (X) untuk bahagian sel yang dilabelkan dengan salah.




Sel P: _____

- (b) (i) Namakan sel P dalam tempat kosong.
(ii) Terangkan mengapa sel P mempunyai bentuk yang tetap.

- 3 (a) Rajah di bawah menunjukkan mikroorganisma K, L, M dan N.

- (i) Tandakan (✓) bagi dua organisma multisel dalam petak di bawah.



- (ii) Berdasarkan rajah di atas, nyatakan dua organisma yang mempunyai kloroplas.

- (b) Rajah di bawah menunjukkan satu klamidomonas.



Mengapakah klamidomonas tidak mempunyai tisu?

- (c) Padankan maksud yang betul bagi organisma unisel.

Organisma unisel



- Terdiri daripada hanya satu sel
- Terdiri daripada lebih dari satu sel

- 4 Jadual di bawah menunjukkan pelbagai jenis fungsi sel manusia. Namakan sel manusia berdasarkan fungsi yang diberi.


	Jenis sel	Fungsi
(a)	Sel _____	Melindungi badan daripada penyakit
(b)	Sel _____	Menghantar impuls saraf
(c)	Sel _____	Membolehkan pergerakan bahagian badan
(d)	Sel _____	Membawa oksigen ke semua bahagian badan

- 5 Rajah di bawah menunjukkan pelbagai organ dalam badan manusia.

- (a) Tuliskan nama sistem bagi organ-organ berikut.

	
(i) Sistem _____	(ii) Sistem _____
	
(iii) Sistem _____	(iv) Sistem _____

- (b) (i) Rajah di bawah menunjukkan usus kecil manusia. Padankan organ ini kepada fungsi yang betul.



- Mencerna makanan
- Menyimpan tinja

- (ii) Pak Abu kuat merokok. Oleh itu, dia diserang angin ahmar (strok). Sistem badan yang manakah yang tidak berfungsi dengan baik bagi Pak Abu?

- 6 (a) Gariskan jawapan yang betul untuk pernyataan berikut.

- (i) Sel darah (merah / putih) membawa oksigen ke seluruh bahagian badan.
- (ii) Suatu organ mengandungi pelbagai (sistem / tisu) yang bekerjasama.
- (iii) Sistem respirasi terdiri daripada sekumpulan (tisu / organ) yang berlainan.

- (b) Tuliskan **Betul** atau **Salah** bagi pernyataan berikut.

- (i) Badan manusia terdiri daripada pelbagai jenis sel.

- (ii) Sel epitelium melindungi badan daripada penyakit.

- (iii) Sel tulang menghantar impuls saraf ke seluruh bahagian badan.

- (iv) Sistem adalah lebih kompleks daripada organ.